

08/05/2002

Tarif baru telefon, Internet tidak lama lagi

KUALA LUMPUR, Selasa - Telekom Malaysia Bhd (Telekom) akan mengeluarkan kenyataan berhubung kadar tarif baru perkhidmatan telefon dan Internet tidak lama lagi.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman berkata Telekom akan mengeluarkan kenyataan tidak lama lagi kerana masih dalam perbincangan. Beliau tidak mahu mengulas panjang berhubung perkara itu.

"Kita akan buat kenyataan berhubung perkara berkenaan," katanya selepas mengiringi Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dalam lawatan kerja baginda ke Pusat Telekom Malaysia, di sini hari ini.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad menggesa Telekom menurunkan kadar panggilannya supaya lebih ramai rakyat boleh menggunakan kemudahan telekomunikasi di negara ini.

"Kita menggesa Telekom supaya menurunkan bayarannya supaya lebih ramai rakyat boleh menggunakan telekomunikasi bagi semua perkara termasuk capaian kepada maklumat," katanya.

Sebelum ini, Telekom Malaysia membuat semakan kadar tarif panggilan telefon berkuat kuasa 1 Mac lalu.

Mengikut kadar tarif baru itu, semua panggilan tempatan disemak kepada lapan sen bagi dua minit pertama dan empat sen bagi setiap minit berikutnya berbanding bayaran sebelum ini iaitu sembilan sen bagi dua minit pertama dan tiga sen bagi setiap minit berikutnya.

Kadar jarak jauh domestik dikurangkan di antara 23 peratus dan 54 peratus dan tarif bagi Dail Terus Antarabangsa (IDD) dikurangkan di antara tujuh peratus dan 67 peratus.

(END)